

28 AUG 2000

Marina-AIDS/I

MAJLIS AIDS TIDAK SETUJU SYARAT UJIAN DARAH SEBELUM KAHWIN

KUALA LUMPUR, 28 Ogos (Bernama) -- Majlis AIDS Malaysia (MAC) berpendapat yang cadangan supaya ujian darah dijadikan mandatori bagi pasangan-pasangan Islam yang akan berkahwin bukan cara berkesan dalam mencegah virus HIV daripada merebak.

Presidennya Datin Paduka Marina Mahathir berkata, apa yang lebih penting ialah mendidik orang ramai mengenai cara hidup yang boleh mencegah jangkitan HIV yang menyebabkan penyakit AIDS.

"Lagipun, langkah menjadikan ujian darah itu sebagai mandatori mencabuli hak asasi manusia," kata Marina apabila diminta mengulas mengenai rancangan Jabatan Agama Islam Johor untuk mensyaratkan pasangan-pasangan yang akan berkahwin menjalani ujian HIV.

Marina selepas mempengerusikan satu forum awam mengenai Jantina, Sexualiti dan HIV/AIDS di sini, hari ini memberitahu pemberita yang MAC akan cuba mengadakan perbincangan bersama pihak berkuasa berkenaan mengenai perkara itu.

"Saya faham kebimbangan mereka (pihak berkuasa agama di Johor). Mereka bukannya berniat mencabuli hak asasi manusia, mereka hanya mahu melindungi hak wanita," kata Marina.

Sabtu lepas, Mufti Johor Datuk Noh Gadut mencadangkan yang pengantin lelaki harus menjalani ujian darah itu untuk memastikan diri bebas daripada kuman HIV.

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman sebaliknya meminta jabatan itu mengkaji kesesuaian menguatkuasakan peraturan ujian darah itu.

Sementara itu, Presiden Pusat Penyelidikan Antarabangsa Mengenai Wanita (ICRW) Dr Geeta Rao Gupta berkata pengalaman dan penyelidikan pusat itu menunjukkan ujian darah mandatori di negara-negara yang mengamalkannya terbukti tidak berkesan dalam mencegah jangkitan HIV/AIDS daripada merebak.

"Ia tidak berfungsi sebagai langkah pencegahan sebaliknya ia hanya menakutkan orang. Ia secara tipikal berlaku dalam banyak masyarakat, anda perlu melalui banyak stigma dan diskriminasi jika terbukti HIV positif.

"Jadi apabila anda (kerajaan) menjadikan ujian darah itu mandatori, anda hanya menyebabkan orang menyembunyikan jangkitan pada mereka dan mencari helah untuk melepaskan diri daripada didapati HIV positif," kata Dr Gupta, penceramah forum awam itu.

Oleh itu, katanya: "Syor saya (bagi Malaysia) berdasarkan data itu ialah jangan ulangi kesilapan yang dibuat oleh negara-negara lain itu."

Turut hadir di forum itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Shahrizat Abdul Jalil.

-- BERNAMA

NHA ZS PR